

Bil. 41

**Jumaat
18 Disember 2015**



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Mengenai:

**Kawalan Pengurusan Tadbir Urus
1Malaysia Development Berhad (1MDB)**

(Bahagian Kedua)

- Kementerian Kewangan
- 1Malaysia Development Berhad: YBhg. Arul Kanda
(Presiden dan Pengarah Eksekutif Kumpulan)

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 2, BLOK A
BANGUNAN SEMENTARA, PARLIMEN MALAYSIA
JUMAAT, 18 DISEMBER 2015**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]	- <i>Pengerusi</i>
YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]	- <i>Timbalan Pengerusi</i>
YB. Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]	
YB. Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]	
YB. Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]	
YB. Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]	
YB. Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]	
YB. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]	
YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]	
YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]	
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]	
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah	- <i>Setiausaha</i>

Tidak Hadir

YB. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]
YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]
YB. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara]

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara

YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang [Ketua Audit Negara]
YBhg. Datuk Haji Anwari bin Suri [Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)]
YBhg. Datin Paduka Ong Swee Leng [Pengarah Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan]
Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad [Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan]
Puan Lim Sok Kiang [Timbalan Pengarah Audit Kerajaan Persekutuan (Kastam)]
Puan Nor Salwani binti Muhammad [Timbalan Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan (Syarikat Kerajaan, Bahagian II)]
Puan Nadhirah binti Haji Abdul Wahab [Timbalan Pengarah Sektor Audit Khas dan Penyelidikan (Bahagian Kajian Khas)]
Puan Farizah binti Harman [Ketua Penolong Pengarah Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan (Syarikat 2)]
Puan Nik Mazian binti Mohammad [Ketua Penolong Pengarah Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan (Kewangan 5)]
Encik William Yapp Thou Kiong [Ketua Penolong Pengarah Sektor Audit Khas dan Penyelidikan (Bahagian Kajian Khas)]
Encik Asrul Izeham bin Yacob [Penolong Pengarah Kanan Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan (Sosial 1)]
Puan Suraya binti Adnan [Penolong Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan (Syarikat Kerajaan, Bahagian II)]
Puan Nurul Hana binti Radzi [Penolong Pengarah Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan (Cawangan Kewangan 2)]
Puan Aziatul Akmam binti Atan [Penolong Pengarah Sektor Audit Khas dan Penyelidikan]
Puan Nur Aziella Mohd Zulkefli [Penolong Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan (Syarikat Kerajaan) II]
Encik Mohd Fadhli Khalid [Penolong Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan (Syarikat Kerajaan) II]

samb/-

HADIR BERSAMA (samb/-)**Kementerian Kewangan**

Encik Suhaili bin Ahmad [Timbalan Setiausaha Bahagian (Strategi Korporat dan Komunikasi, Seksyen Perancangan Strategik)]

Puan Faridah Nor binti Mohd Yasin [Ketua Penolong Setiausaha (Strategi Korporat dan Komunikasi)]

Jabatan Perkhidmatan Awam

Encik Azlee bin Abu Bakar [Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Perkhidmatan (Unit Khas Laporan Ketua Audit Negara)]

Jabatan Akauntan Negara

Encik Mohd Sabree bin Yaakub [Ketua Penolong Pengarah Kanan (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (Seksyen Perakaunan Persekutuan))]

Unit Perancang Ekonomi

Puan Anis Mardiana binti Abdullah [Ketua Penolong Pengarah (SIP)]

SAKSI-SAKSI**1Malaysia Development Berhad (1MDB)**

Encik Arul Kanda Kandasamy [Presiden dan Pengarah Eksekutif]

YBhg. Datuk Tan Hock Chuan [Peguam]

Encik Ivan Chen [Ketua Perundangan]

Encik Zahid bin Taib [Pegawai Perhubungan Kerajaan]

Encik Elmie bin Abu Bakar [Pegawai Perhubungan Kerajaan]

Encik Ho You Chai [Ketua Komunikasi]

Kementerian Kewangan

Encik Shahrol Anuwar bin Sarman [Setiausaha Sulit Kanan Ketua Setiausaha Perbendaharaan]

Dr. Yusof bin Ismail [Timbalan Setiausaha Bahagian (Syarikat Pelaburan Kerajaan)]

Encik Mohd Hisyamuddin bin Awang Abu Bakar [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan)]

Encik Mohd Shihabuddin bin Mukhtar [Ketua Penolong Setiausaha (Syarikat Pelaburan Kerajaan)]

Encik Iszad Jefferi bin Ismail [Ketua Penolong Setiausaha (Syarikat Pelaburan Kerajaan)]

Encik Muhammad Khairul Fuadi bin Hamdan [Penolong Setiausaha (Syarikat Pelaburan Kerajaan)]

Puan Afidah Azwa binti Abdul Aziz [Ketua Seksyen (Pelaburan Strategik)]

Encik Mohamed Farhan bin Mohamed Ainuddin [Penolong Setiausaha (Pelaburan Strategik)]

LAPORAN PROSIDING**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL KETIGA****Jumaat, 18 Disember 2015****Bilik Jawatankuasa 2, Tingkat 1, Blok A, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Mesyuarat dimulakan pada pukul 9.02 pagi***[Yang Berhormat Dato' Hasan bin Arifin **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Pengerusi: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw selaku Timbalan Naib Pengerusi PAC, Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berbahagia Datuk Roosme binti Hamzah iaitu Setiausaha Dewan Rakyat, Ketua Audit Negara iaitu Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang, pegawai-pegawai dan kakitangan dari Jabatan Audit Negara, dan jabatan-jabatan kerajaan.

Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana dapat kita bermesyuarat pada pagi ini pada semua pegawai, kakitangan dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Semalam kita terpaksa menangguhkan mesyuarat oleh sebab terdapat beberapa perkara yang perlu dibereskan oleh AG, benda-benda yang dimohon oleh AG telah diberi oleh 1MDB. Saya difahamkan beberapa perkara yang dimohon baru diberi dan AG perlu melihat semulalah perkara-perkara ini. Kita berharap Mac itu masih *target* kitalah untuk dibentangkan ke Parlimen, bulan Mac.

Akan tetapi kalau dapat, Tan Sri boleh siapkan dalam bulan- kita akan panggil Tan Sri Dato' Seri Lodin, kita akan tetapkan hari ini. Kita harap kita dapat, walaupun Januari Parlimen tidak ada kita kena panggil jugalah Ahli-ahli Yang Berhormat untuk datang bermesyuarat supaya kita dapat selesaikan dan di bentang di Parlimen seperti yang kita *target* dalam bulan Mac. Harap kita dapat lakukanlah. Saya berharap Tan Sri akan boleh *speed out* semua siap sekali. Selepas itu kita *sit down* pula ya, *sit down* untuk menyediakan laporan itu ya. *Takes maybe two weeks or-* jadi hari ini kita hendak tetapkan Tan Sri Lodin ini sebelum kita panggil Arul ini. Notis dua minggu. Boleh kita tetapkan tarikh supaya Ahli-ahli Yang Berhormat semua dapat hadir ya. Cuba tengok jadual *next year*.

Datuk Roosme binti Hamzah [Setiausaha Dewan Rakyat]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Kita Parlimen, TPPA on 26 ya?

Datuk Roosme binti Hamzah: Pada 26 dan 27.

Tuan Pengerusi: Itu lambat sangat, lambat sangat. *Middle of next year?... [Disampuk] On middle of next month [Ketawa] Sorry.*

Datuk Roosme binti Hamzah: Kita ada *23rd Conference of Speaker and Presiding Officers of the Commonwealth...*

Tuan Pengerusi: *No, certainly not. Certainly not Friday because today is kita ingat semalam dengan hari ini kita hendak buat sekali. Arul ini penting dan Tan Sri Lodin is very important also...*

Datuk Roosme binti Hamzah: *On 26th and 27th.*

Tuan Pengerusi: Tidak, tidak. 15 tengok, 15 ke-20.

Seorang Ahli: Februari.

Datuk Roosme binti Hamzah: *Yes, 26th and 27th.*

Tuan Pengerusi: *A week before ya? Lebih kurang macam itu boleh tidak, ya?*

Seorang Ahli: *At least Friday.*

Tuan Pengerusi: *Cannot, cannot on Friday. Pada 19 hari bulan, alright?*

Datuk Roosme binti Hamzah: Pada 19 hari bulan, hari Selasa. Hendak berapa hari?

Tuan Pengerusi: Kita cuba buat dua harilah.

Datuk Roosme binti Hamzah: Dua hari.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Isnin, Selasa.

Datuk Roosme binti Hamzah: Isnin dan Selasa iaitu 18 hari bulan dan 19 bulan hari bulan.

Tuan Pengerusi: Boleh?

Beberapa Ahli: Boleh.

Tuan Pengerusi: *Tony you are free, Tony?*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *On 19th January.*

Tuan Pengerusi: Okey.

Datuk Roosme binti Hamzah: *19th and 20th on Selasa and Rabu, okay?*

Tuan Pengerusi: *How many normally go to office, tengok apa...*

Datuk Roosme binti Hamzah: Ha! Okey. Selasa dan Rabu.

Dr. Tan Seng Giaw: *On 19th and 20th of January.*

Tuan Pengerusi: Okey.

Datuk Roosme binti Hamzah: *Yes, 19th and 20th.*

Beberapa Ahli: *[Berbincang tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Tuan Pengerusi, *just* untuk dapatkan *clarification*.

Selain daripada Tan Sri Lodin and Tan Sri Bakke... *[Masalah teknikal dengan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Pada 19 hari bulan, Tan Sri Lodin. Kita pagi dan petang, tidak apa. Kita panggil *Chairman* dulu, tengok macam mana. Kita tengok dua perkara ini.

Datuk Roosme binti Hamzah: Okey...

Tuan Pengerusi: Boleh ya? Okey. Kita sambung hari ini dengan Arul. Kita harap kita boleh siapkan pagi inilah.

■0910

Tiga jam takkan tidak siap ya. Pukul 9 pagi, 10 pagi, 11 pagi, 12 tengah hari, 3 hours. Tiga jam, harap kita boleh selesaikan pagi ini Yang Berhormat ya. Okey, panggillah.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Tuan Pengerusi, saya mencadangkan kalau boleh Tuan Pengerusi bagi peluang kepada semua...

Tuan Pengerusi: Tidak. Memang semua.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Okey, okey.

[Saksi-saksi mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]

9.13 pagi.

Tuan Pengerusi: Silakan.

Dr. Yusof bin Ismail [Timbalan Setiausaha Bahagian (Syarikat Pelaburan Kerajaan), Kementerian Kewangan]: Boleh Tuan Pengerusi ya?

Tuan Pengerusi: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Yang Berbahagia wakil Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Mohd Isa tidak ada, wakil siapa?

Dr. Yusof bin Ismail: Yusof Ismail.

Tuan Pengerusi: Yusof Ismail. "Dato'" kah, atau "Encik"?

Dr. Yusof bin Ismail: Saya Doktor sahaja.

Tuan Pengerusi: Dr. Yusof Ismail. Bahagian?

Dr. Yusof bin Ismail: Pelaburan Kerajaan.

Tuan Pengerusi: Sama dengan Dato'...

Dr. Yusof bin Ismail: Sama dengan Dato' Isa.

Tuan Pengerusi: Sama dengan Dato' Isa, wakil ya. Okey. Encik Arul Kanda, Presiden dan Pengarah Eksekutif Kumpulan 1MDB; pegawai dan kakitangan daripada Kementerian Kewangan; pegawai dan kakitangan daripada 1MDB. Hari ini kita menyambung prosiding daripada 1MDB dan kita harap kita boleh dapat selesaikan pagi ini, perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita sampai ke mana dahulu? Sampai kepada *rationalization* program. Boleh sambungkan ya.

Encik Arul Kanda Kandasamy [Presiden dan Pengarah Eksekutif, 1Malaysia Development Berhad (1MDB)]: *Assalamualaikum*, salam sejahtera dan selamat pagi kepada semua. Terima kasih Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC), tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Tuan Pengerusi, dengan izin, saya hendak *summarize* apa yang kita telah bincangkan sebelum ini.

Tuan Pengerusi: Okey.

Encik Arul Kanda Kandasamy: Apabila saya pertama kali bertemu dengan Ahli Jawatankuasa, kami telah berbincang mengenai *fund units* pada tahun 2012 dan seterusnya bagaimana 1MDB telah menebus *fund units* tersebut. Sebahagian besarnya secara tunai sebanyak USD1.4 bilion dan bakinya *USD940 million* masih dipegang dalam bentuk unit.

Seterusnya, saya telah menceritakan mengenai pembelian aset stesen jana kuasa bebas oleh 1MDB iaitu pada asalnya syarikat Powertek, seterusnya syarikat KLPP dan juga syarikat Jimah dan juga penggabungan ketiga-tiga syarikat tersebut untuk menjadi Edra Energy. Kami telah menceritakan bagaimana pelan untuk melaksanakan IPO bagi aset tenaga tersebut tidak berjalan atau tidak berlaku seperti yang dirancang.

Seterusnya, saya telah memberi penjelasan kepada jawatankuasa mengenai pembelian hartanah oleh 1MDB iaitu yang paling besar tanah seluas 486 ekar di Sungai Besi dan juga pembelian tanah seluas 70 ekar di Tun Razak Exchange di Jalan Tun Razak. Saya juga telah menceritakan bagaimana 1MDB telah mengambil tanggungjawab untuk membina infrastruktur sebanyak RM3 bilion di TRX dan juga untuk mengambil alih penempatan semula Pangkalan Udara Kuala Lumpur melalui pembinaan lapan buah kem baru di seluruh negara pada kos projek keseluruhan sebanyak RM2.7 bilion.

Kami telah menyentuh serba sedikit mengenai cabaran yang dihadapi oleh 1MDB. Jika Tuan Pengerusi imbas kembali pada bulan Ogos 2014, September 2014 dan Oktober 2014 terdapat pelbagai tohmahan dan andaian yang telah dibuat ke atas 1MDB oleh beberapa pihak termasuk pihak media. Jadi, ini telah mengurangkan keyakinan oleh pelabur dan juga oleh pihak institusi kewangan atau pihak bank untuk memberi pemberian dana terhadap 1MDB.

Oleh itu, pada bulan November 2014, tiga perkara telah berlaku. Pertama sekali, 1MDB telah mengumumkan kerugian yang pertama sebanyak RM665 juta.

Keduanya, IPO untuk Edra Energy yang sepatutnya dilaksanakan tidak berjalan atau telah ditunda.

Ketiga, pada 30 November 2014, sejumlah RM2 bilion hutang yang perlu dibayar kepada konsortium atau sindiket bank tempatan tidak dapat dilaksanakan oleh sebab IPO tidak berjalan dan dana daripada IPO tersebut tidak dapat digunakan untuk menyelesaikan hutang. Jadi, pada masa itu, ketiga-tiga isu ini telah menimbulkan satu cabaran yang begitu besar ke atas 1MDB.

Tambahan pula, pada pertengahan bulan Disember 2014, Datuk Khairuddin telah membuat laporan polis terhadap 1MDB dan laporan polis tersebut berhubung dengan tiga perkara yang saya telah nyatakan tadi. Jadi, satu masalah perniagaan telah dipolitikkan, sebelum penundaan IPO dan selepas IPO tersebut juga. Pada saya, situasi tersebut begitu rumit dan sukar tetapi kerajaan telah mengambil langkah yang begitu cepat apabila cabaran tersebut timbul. Saya telah ditemu duga pada 12 Disember 2014 iaitu tidak sampai tiga minggu atau empat minggu setelah cabaran tersebut timbul. Surat tawaran telah dikeluarkan pada saya pada 18 Disember 2014 dan saya telah masuk *office* di 1MDB pada 5 Januari 2015.

Jadi, apabila cabaran timbul, kerajaan telah mengambil tindakan dengan serta-merta. Setelah itu Tuan Pengerusi, pada bulan Februari 2015, saya telah menyiapkan hasil kajian strategik atau *strategic review* 1MDB. Kajian strategik ini dalam rumusan saya, pertama sekali, 1MDB tidak patut mengambil sebarang hutang baru.

Keduanya, 1MDB tidak harus melaksanakan apa-apa projek atau pelaburan baru. Ketiganya, perlu untuk 1MDB *to better match- sorry for my use of English*, hutang dengan aset dan juga penggunaan untuk membina infrastruktur.

■0920

Jadi, salah satu cadangan pada masa tersebut ialah untuk *monetize* atau menunaikan Edra. Pada bulan Februari, rancangan kami ialah masih untuk melaksanakan IPO Edra. Seterusnya kami hendak supaya Bandar Malaysia dan TRX menjadi syarikat yang mempunyai pembiayaan kewangan sendiri, *stand-alone financial support*, dan juga mempunyai ahli lembaga pengarah yang bebas dan tidak terikat lagi bersama dengan 1MDB.

Jadi, apa yang telah dilaksanakan untuk Edra, kajian strategik kami menunjukkan bahawa perkara yang sama perlu dilaksanakan untuk TRX dan juga Bandar Malaysia. Ini adalah kerana cabaran syarikat sebenarnya bukan pada tahap operasi dan bukan pada tahap aset di mana operasi berjalan dengan baik dan aset sebenarnya begitu kukuh. Cabaran syarikat ialah pada tahap *holding company* atau syarikat induk dan bukan pada syarikat subsidiari.

Pada masa tersebut Tuan Pengerusi, syarikat telah diberi kemudahan pinjaman kewangan sebanyak RM950 juta oleh Kerajaan Malaysia. Tujuan pinjaman sementara tersebut melalui *standby credit facility* ialah kerana model syarikat sebelum itu melalui penggunaan hutang dan di mana bank perlu *roll over* ataupun *refinance* hutang yang matang. Jadi, sepertimana yang saya telah ceritakan kepada jawatankuasa sebelum ini, 1MDB menggunakan hutang yang baru untuk membayar faedah dan juga untuk *roll over* hutang lama. Maknanya hutang tidak dibayar balik tetapi telah di *refinance* atau dikitarkan semula melalui hutang baru.

Jadi, cabaran tersebut semua adalah pada *holding company* dan bukannya pada syarikat subsidiari atau syarikat operasi kecuali dalam situasi Edra. Pada syarikat Edra atau tahap subsidiari Edra, terdapat pelbagai hutang *acquisition finance* dan juga *short-term financing* di mana 1MDB setelah membeli syarikat tersebut telah mengambil hutang dari bank untuk membiayai pembelian syarikat tersebut. *So, apart from Edra, the other subsidiaries were funded with long-term financing. So, almost all the short-term financing was linked to Edra.*

Jadi, kami telah melihat situasi syarikat, sebenarnya lebih kurang 80% daripada hutang syarikat adalah jangka masa panjang, *long-term debt*. Kebanyakannya melalui bon. Akan tetapi isunya pada *short-term debt* atau hutang jangka masa pendek yang sebahagian besarnya ialah untuk Edra atau melibatkan Edra. Itu pun disebabkan oleh 1MDB mengambil hutang tersebut untuk pembelian Edra.

Tuan Pengerusi: *As it is now, long-term debt, berapa short-term debt? Boleh you break up tak?*

Encik Arul Kanda Kandasamy: Okey Tuan Pengerusi, *I have a slide projection. So, saya akan utarakan sebentar lagi.*

Tuan Pengerusi: Okey.

Encik Arul Kanda Kandasamy: Seterusnya Tuan Pengerusi, pada pertengahan bulan Februari dan permulaan bulan Mac 2015, pelbagai laporan media telah dikeluarkan terutamanya oleh *Sarawak Report* dan seterusnya oleh *The Edge*. Beberapa pihak ataupun ahli politik juga telah mengeluarkan pelbagai kenyataan yang berasaskan laporan media tersebut. Ini merumitkan lagi keadaan di mana opsyen untuk *monetize* Edra atau penunaian Edra di mana objektif utama melalui IPO, masih tidak dapat dilaksanakan. Pada masa yang sama, kami mempunyai keperluan kewangan untuk membayar faedah dan juga keperluan kewangan untuk membayar kos infrastruktur di TRX dan juga kos penempatan semula di Bandar Malaysia.

Jadi, syarikat telah mengambil keputusan untuk, pertama sekali, menjual tanah di TRX. Pada bulan Mac, sebuah syarikat usaha sama telah ditubuhkan bersama Lend Lease di mana 17 ekar tanah di TRX telah dijual kepada syarikat usaha sama. Pada masa yang sama, 1MDB telah menjual sebidang tanah *residential, residential land*, ke Tabung Haji. Kami telah memulakan *negotiations* bersama Mulia Group untuk menjual tanah *Signature Tower*.

Jadi, apabila syarikat telah dibelenggu dengan tohmahan, *media attacks* dan juga *political attacks* pada masa tersebut, dan perlu saya jelaskan bahawa *political attacks* tersebut bukan sahaja daripada pihak pembangkang tetapi juga daripada pihak yang tidak sehaluan dengan kerajaan. Ini telah mengurangkan keyakinan pelabur. Ia juga telah mengurangkan keyakinan institusi kewangan dan telah menekankan lagi keadaan syarikat di mana apa yang telah dirancang oleh *strategic review* tidak dapat dilaksanakan.

Sekali lagi kerajaan telah mengambil langkah yang begitu cepat iaitu pada 4 Mac 2015, tidak sampai dua minggu daripada artikel *Sarawak Report* dan artikel *The Edge*, kerajaan telah meminta supaya Jabatan Audit Negara melaksanakan *review of 1MDB accounts* dan juga untuk hasil siasatan ataupun review tersebut untuk dibentangkan kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara atau PAC. Jadi, ini pada saya suatu *action* yang begitu cepat, serta-merta oleh kerajaan dan juga telus dan terbuka disebabkan laporan tersebut akan dibentangkan kepada PAC.

Oleh sebab penyiasatan yang berlaku dan seterusnya penyiasatan-penyiasatan lain juga telah bermula ke atas syarikat iaitu oleh Bank Negara, SPRM dan juga PDRM, proses penjualan aset telah dirumitkan lagi. Oleh sebab itu, kami telah memberi suatu cadangan baru kepada kerajaan di mana *Rationalization Plan 1MDB* telah dibentangkan kepada Kabinet pada 29 Mei 2015 di mana suatu penyelesaian yang lebih radikal dan lebih menyeluruh perlu dilaksanakan. Jadi, boleh saya minta untuk slaid dibentangkan? *Forward, please*.

Pertama sekali, sepertimana yang saya telah katakan tadi, apabila kita merumuskan *Rationalization Plan*, pertama sekali perlu diingatkan bahawa 1MDB ialah syarikat milik penuh kerajaan di mana tujuan syarikat ialah untuk projek strategik dan juga untuk membawa masuk *foreign direct investment* (FDI). Akan tetapi, *cash equity* atau ekuiti tunai di dalam 1MDB hanya RM1 juta, *RM1 million*.

Jadi, untuk melaksanakan mandat 1MDB ataupun *mandate* tersebut, 1MDB perlu menjana modal atau tunai daripada hutang dan hutang tersebut adalah dari bank dan juga daripada pasaran modal.

■0930

Di mana 1MDB masih mempunyai objektif. Pertama, untuk menjadi pemaju induk atau *master developer* untuk membangunkan tanah strategik dan juga infrastruktur bertaraf dunia. Pertama sekali di Bandar Malaysia yang mempunyai keluasan 486 hektar dan kos penempatan semula PUKL RM2.7 bilion.

Seterusnya di Tun Razak Exchange (TRX), yang bakal menjadi hab kewangan dan ekonomi pertama di Malaysia, di mana 1MDB telah mengambil tanggungjawab membina infrastruktur sebanyak RM3 bilion. Seterusnya, pada tahun 2012 dan 2013, 1MDB telah melaksanakan pelan penggabungan strategik atau *consolidation*. Di mana 1MDB membeli tiga buah syarikat penjana kuasa bebas daripada syarikat swasta dengan kos ekuiti yang dibayar secara tunai dan tunai tersebut telah dijana melalui hutang sebanyak RM12 bilion. Di mana tiga buah syarikat tersebut telah digabungkan yang mempunyai 13 buah stesen jana kuasa di lima buah negara dan mempunyai penjanaan sebanyak 5,594 megawatt. Perlu diingatkan bahawa Edra...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Boleh saya mencelah? Hari ini kita ada *limited time* untuk kita sambung prosiding. Boleh tidak berikan satu *time* lagi untuk *this presentation*. *I think- reputation. So, we need time. Thank you.*

Encik Arul Kanda Kandasamy: *Okay sir. So, this was just the background. I think apa yang saya perlu rumuskan di sini ialah ekuiti tunai hanya RM1 juta dan baki dana syarikat ialah melalui hutang. Ini perkara yang penting untuk di emphasize. Next slide please. Okey.*

Jadi di sini kami merumuskan pada 31 Oktober 2015 iaitu *our last consolidated management accounts*, 31 Oktober 2015. Hutang atau *debt* syarikat ialah sebanyak RM46 bilion dan sebab utama perbezaan RM42 bilion pada tahun sebelumnya hingga RM46 bilion pada tahun ini ialah *foreign exchange differences*. Maknanya, hutang yang diambil dalam USD yang di mana ringgit telah menurun dalam nilai kepada USD itu disebabkan *increase* daripada RM42 bilion hingga RM46 bilion.

Seterusnya, pada sebelah kanan carta tersebut, *of the chart*, suatu *advance payment* telah dibuat oleh IPIC pada bulan Jun 2015 dan *advance payment* itu adalah sebahagian daripada *debt for asset swap* yang saya akan ceritakan selepas ini. Jadi *advance payment* tersebut ialah RM3.98 bilion. So, kalau kita tambah RM3.98 kepada *Edra operating debt* RM7.44 bilion, Ringgit *loans* RM7.15 bilion, Ringgit sukuk RM6.04 bilion dan USD *bonds* RM26.01 bilion. Jumlah hutang dan IPIC *advance payment* ialah RM50.63 bilion. Seterusnya perlu saya...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *Sorry. Just a quick clarification. Maksudnya jumlah hutang termasuk IPIC advance payment maksudnya hutang tolak IPIC advance ataupun hutang campur IPIC advance?*

Encik Arul Kanda Kandasamy: Hutang campur sir. *It is two elements in the RM50.63 bilion. Perlu diingatkan di sini apa yang penting daripada jumlah hutang tersebut RM50.63 bilion, RM5.8 bilion mempunyai jaminan kerajaan atau government guarantee. Maknanya jika 1MDB tidak membayar hutang tersebut there is a direct unconditional irrevocable recourse to the Government of Malaysia.*

Seterusnya, USD3 bilion *bonds* tersebut mempunyai *Letter of Support* ataupun surat sokongan yang mana 12.9 *is just an exchange rate of USD3 bilion* dan Surat Sokongan tersebut menyatakan bahawa jika 1MDB GIL iaitu *the borrower* atau 1MDB tidak dapat membayar *obligation* tersebut, Kerajaan Malaysia akan mengambil langkah yang sewajarnya *to ensure* atau untuk memberi keyakinan bahawa 1MDB ataupun 1MDB GIL akan dapat menunaikan tanggungjawab tersebut. *So, the total exposure of the government in that respect is about RM18 billion plus in relation to 1MDB. Maknanya, direct and indirect.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *Quick question.* Kerajaan pun ada memberikan pinjaman kepada 1MDB dan *letter of support* untuk pembelian Tadmax. Ada termasuk dalam sini ke atau tidak ada?

Encik Arul Kanda Kandasamy: *Jadi hutang kerajaan that means the loan given by the government is RM950 million, yes that is inside here. So, that was part of the RM46 billion that I mentioned earlier. So, is in the RM loans if you look at the third chart... [Merujuk slaid pembentangan]*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *But it is not stated in your points because it's just 5.8 plus 12.9 which also doesn't include the RM150 million, the letter of support.*

Encik Arul Kanda Kandasamy: *That's right. Yang Berhormat, the reason is that the letter of support, actually we have no copy of that. It was done directly between EXIM Bank and the government. So, it was not 1MDB transaction. We were not involved in that. So, I am afraid I cannot talk to you about that, I have no information.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *But you are aware of that?*

Encik Arul Kanda Kandasamy: *I am aware of that but I do not have the actual document.* Jadi itu yang pertama, maknanya hutang syarikat ialah sebanyak itu. Kedua, sebelah kanan *finance cost per annum...* [Merujuk slaid pembentangan] Pada 31 Mac 2014 1MDB telah membelanjakan RM2.4 bilion untuk *finance cost*. Kebanyakan daripada *cost* tersebut ialah faedah atau *interest*.

Pada 31 Mac 2015, ini adalah amaun yang belum diaudit. *So can I just make that clear that 2015 is unaudited estimates*, jumlahnya RM3.3 bilion. Seterusnya, telah saya katakan tadi kos infrastruktur TRX dan juga penempatan semula PUKL, RM3 bilion dan RM2.7 bilion. Jadi, apabila saya membuat *cash flow projection* yang pertama pada bulan Januari 2015 dan apabila saya melihat impak hutang dan *finance cost* dan juga *infrastructure cost* oleh yang perlu ditanggung oleh syarikat, *it was very clear to me*, begitu ketara bahawa terdapat suatu ketidaksamaan atau *mismatch* yang besar di antara *short-term interest and infrastructure cost as well as short-term principal repayment* dan juga *long-term nature of the asset*.

Memang jelas bahawa terdapat ketidaksamaan. Ketidaksamaan tersebut *if you ask me to identify one particular reason*, disebabkan oleh IPO yang tidak menjadi pada November 2014. *If that IPO happen*, jika IPO tersebut berlaku 1MDB akan menjana tunai dan kemudian tunai akan digunakan untuk membayar faedah, membayar *principal* jangka masa pendek yang matang atau *short-term principal* dan juga akan menimbulkan keyakinan terhadap syarikat supaya syarikat dapat *refinance* atau *roll over* melalui institusi kewangan hutang yang selebihnya. *So, the whole model required confidence* atau keyakinan oleh pelabur dan juga oleh institusi kewangan.

■0940

Next slide please. Jadi, apabila kami melaksanakan kajian strategik, begitu jelas bahawa ada kepentingan atau *the need* untuk membayar hutang, seterusnya untuk *matching* atau hutang jangka masa panjang. Maksudnya, *to match the long-term bonds with cash flows* dan juga untuk melaksanakan projek-projek strategik seperti Bandar Malaysia dan TRX yang mempunyai impak ekonomi yang begitu tinggi. Kami telah cuba untuk melihat beberapa opsi yang secara teorinya terbuka. Pertama sekali, *equity injections* atau pelaburan dana ekuiti baru oleh pemegang saham iaitu Kerajaan Malaysia atau cara yang kedua melalui hutang baru. Kedua-dua opsi tersebut tidak dapat dilaksanakan untuk satu sebab atau satu sebab yang lain. Jadi, apa yang kami dapat laksanakan ialah pertama, *sales of assets* atau penjualan aset. Seterusnya untuk mengambil ekuiti baru daripada pihak ketiga dan ketiganya, *debt for assets swap* iaitu *transaction* bersama IPIC.

Jadi...

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]: Minta maaf ya. *Reason one of the main consideration ini should be put how you address loss in foreign exchanges because dalam laporan JAN, loss in foreign exchanges comes to quite substantial amounts.* Jadi, *isn't that one we are concern to address when you have such as substantial loss in foreign exchanges, your commitment is increases substantially, is it.*

Encik Arul Kanda Kandasamy: *That is right. As I said, when I go to the next slide, I will address that point. So I just want to build background what we did, why did we come to the conclusions we did on the rationalization plan.* Jadi, *our options were limited. I think that's what I am trying to highlight at least on this portion. Frankly if we could have gotten equity that would have been the best outcomes, tetapi itu that was not open to us.* Jadi, kami terpaksa menjual aset atau menukar aset atau mengambil dana daripada pihak ketiga. Jadi dalam keadaan tersebut, kami telah cuba untuk meningkatkan nilai sebanyak yang boleh daripada pelaksanaan penjualan tersebut.

Pertama sekali, syarikat telah menetapkan bahawa kami perlu melaksanakan proses tender untuk penjualan. Jadi tidak ada *no direct negotiation*, hanya *international tender process*, pertama sekali. Keduanya kalau boleh, kami hendak membawa masuk pelaburan asing, *if possible go for foreign investment rather than local* disebabkan tohmahan *bailout* dan sebagainya jika syarikat tempatan yang mengambil alih. Ketiganya, untuk *ensure* bahawa projek-projek strategik dapat dilaksanakan.

Next slide please. Jadi, pertama sekali *rationalization plan* ialah untuk memastikan bahawa sebanyak 50.63 bilion hutang dan IPIC *advance payment* tersebut akan dibayar balik, *so repaid*, pertama sekali. Keduanya, *to be transferred or to be swapped*, maksudnya ditukar atau *ditransfer* kepada pihak ketiga. Ketiganya, untuk disamakan atau *to be matched with the long-term cash flows of the company.* Jadi kalau kita lihat pada IPIC, ada dua komponen di sana iaitu pertamanya bon sebanyak USD3.5 bilion dan *advance payment* USD1 bilion. *So that, USD4.5 bilion yang bersamaan dengan RM17.859 bilion. That is base on the caring values on our balance sheet.*

Then, ini hutang di dalam bentuk US Dolar. Jadi, kami telah mengambil keputusan untuk membuat debt for asset swap di mana 1MDB telah membayar beberapa jumlah USD bilion kepada Aabar dan juga 1MDB mempunyai fund units yang saya telah ceritakan pada sebelum ini, fund unit Brazen Sky dan juga fund unit GIL, 1MDB GIL. So the idea here is that kami akan menukar aset tersebut untuk hutang. So, we were handover the cash deposit US Dollar, fund units US Dollar in return for IPIC assuming the bonds.

Jadi, pada masa ini kami masih dalam proses perbincangan walaupun *binding term sheet* telah dimeterai, *we have signed the binding term sheet, we are still in the process of negotiation* sama ada bon tersebut masih kekal di atas *balance sheet* 1MDB tetapi kosnya akan diambil alih oleh IPIC. Perlu saya ingatkan jawatankuasa bahawa IPIC telah membayar faedah bon tersebut pada bulan Oktober 2015 dan juga November 2015. *So they have started paying the interest of these bonds. But whether it stays on our balance sheet* ataupun kami akan *transfer* kepada IPIC, kami masih dalam *negotiation* tetapi IPIC akan membayar faedah dan juga prinsipal tersebut. *Sir.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *Do to ask now or after you finish?*

Encik Arul Kanda Kandasamy: *Sure. If I can go through if you don't mind Yang Berhormat...*

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *Just clarification on your figures here. That transfer 7.43 billion as against JANs' report of 8.115 billion, so where is this differences? Dalam report JAN, the inherited that is 8.115 billion...*

Encik Arul Kanda Kandasamy: *Talking about the Edra debts Yang Berhormat, so JANs' report is based on 31st March 2014 where as what we now have when we were doing the Edra's sale is the numbers as of 31st March 2015. So a portion of the principal was repaid during that period. So I have the latest numbers because we did that for address here. Jadi, itu yang pertama Yang Berhormat dan ini saya harap dapat menjawab soalan Yang Berhormat tadi mengenai exposures dalam US Dolar di atas bon. We are matching it with the US Dollar cash deposit and US Dollar fund units, tetapi ini masih belum selesai. Di dalam term sheet tersebut yang kami telah meterai, we have until June 2016 to finalize. Sebab utama jangka masa tersebut diperlukan ialah pihak IPIC perlu they need to balance the impact on the balance sheet of this debt now becoming direct liability, where as prior to this it was contingent liability in their account.*

Seterusnya ialah...

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Jadi kalau daripada jumlah RM50.63 bilion ini, jumlah hutang kita, jadi maknanya pertama yang telah kita buat sekarang IPIC *debt for asset swap* 17.8. Keduanya Edra Energy sales 14 billion. Maknanya sekarang kita sudah dapat langsaikan lebih kurang 32 bilion begitu?

Encik Arul Kanda Kandasamy: Betul Yang Berhormat. Daripada perjanjian yang telah dimeterai, *so as signed agreement, that is amounts.* Akan tetapi perlu diingatkan bahawa *we have to complete*, maknanya *completion period* tersebut yang kami perlu mengambil beberapa langkah untuk selesaikan.

■0950

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Satu lagi, *I thought the total sale of Edra was suppose to be RM17 billion, but it is appearing only a RM14 billion. What happen to the RM3 billion?*

Encik Arul Kanda Kandasamy: So Yang Berhormat, *alhamdulillah, the RM3 billion is surplus daripada penjualan. Maknanya, hutang yang – so the direct debt associated with Edra and Edra Group yang kami perlu bayar balik ialah sebanyak RM14.2 bilion, the direct debt in Edra Group. Jadi setelah penjualan tersebut, terdapat surplus sebanyak RM3 bilion.*

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Tuan Pengerusi, dengan penjualan Edra ini dalam masa yang lebih singkat, adakah terdapat apa-apa *saving* untuk *interest* pada masa hadapan?

Encik Arul Kanda Kandasamy: Yang Berhormat, *sorry, I don't have the exact numbers tetapi approximately* untuk hutang sebanyak RM14.2 bilion tersebut, *approximately* kos faedah tersebut ialah RM1.2 bilion. *So by repaying and/or transferring those loans,* kami akan pada tahap *consolidated, on consolidated level,* akan mengurangkan kos faedah sebanyak RM1.2 bilion.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad: So tadi dia untung RM3 bilion, selepas itu untung lagi *RM1.2 billion, so [Ketawa]* Lebih kurang...

Encik Arul Kanda Kandasamy: *I suppose you can see that way but that's one way of looking at it. I wouldn't describe it in profit terms but I would describe it in reduction terms.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Tuan Pengerusi, oleh sebab ada soalan-soalan sudah dibangkitkan, saya rasa lebih baik saya dapatkan penjelasan sekaranglah mengenai slaid perkara ini.

Nombor satu, sebenarnya pinjaman berkaitan dengan pembelian aset Edra Energy adalah lebih daripada apa yang ditunjuk di sini iaitu RM14 bilion. Sebenarnya ada *USD3.5 billion* yang dikemukakan di atas. *So actually there is no RM3 billion extra.* Sebenarnya *USD3.5 billion* juga dipinjam untuk membeli aset-aset tenaga ini tetapi sekarang ini dinaikkan ke atas kerana ada *asset to debt swap. So you move it to the top.*

Soalan saya ialah sebenarnya *IPIC's debt for asset swap* ini, seperti apa yang dijelaskan tadi, belum *complete.* Maksudnya sebenarnya belum selesai kerana pihak IPIC belum menerima aset yang akan dibagi kepada pihak IPIC lagi. Dalam perjanjian antara IPIC dengan 1MDB, kami sebelum ini telah pun dimaklumkan bahawa *advance USD1 billion* sudah dibayar, faedah untuk bon tersebut juga telah dibayar oleh pihak IPIC.

Akan tetapi, ini tidak bermaksud hutang dan faedah itu diselesaikan kerana kalau 1MDB pada Jun tahun depan gagal untuk mengemukakan aset yang boleh diterima oleh IPIC, pihak kerajaan perlu ganti rugi kepada pihak IPIC. *Is that the correct interpretation?*

Encik Arul Kanda Kandasamy: *Not quite,* Yang Berhormat. Pertama sekali, saya hendak jawab soalan pertama Yang Berhormat, di mana pinjaman bon sebanyak *USD3.5 bilion* tersebut bukan pada tahap Edra. Itu telah dilaksanakan pada tahap 1MDB. *So, it was the different level. Also* Yang Berhormat, *only a portion,* hanya sebahagian daripada *USD3.5 bilion* tersebut telah digunakan oleh 1MDB sebagai ekuiti yang saya ceritakan tadi *RM12 bilion* tadi untuk pembelian Edra. *Only a portion of this was used.*

Jadi apabila kita lihat model 1MDB, 1MDB membuat pinjaman dan menggunakan pinjaman secara *group* ataupun secara keseluruhan disebabkan 1MDB mempunyai kepentingan 100% di dalam anak syarikat. Jadi pada saya, kita tidak boleh mengatakan bahawa USD3.5 bilion tersebut adalah berkenaan *energy* disebabkan hanya sebahagian yang digunakan. *So, less than 30% was used directly for that*, Yang Berhormat.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *Okay, just on that particular point.* Akan tetapi dalam semua *info* memo yang dikeluarkan bagi pinjaman USD3.5 bilion itu, ia adalah bertujuan untuk membeli aset-aset tenaga. So jumlah pinjaman yang dibuat lebih kurang dalam ringgit *terms* untuk membeli aset Edra ialah, hendak beli RM12 bilion tetapi jumlah yang dipinjam RM22 bilion. Tentulah hanya sebahagian sahaja yang digunakan untuk membeli aset sebab hanya beli RM12 bilion tetapi jumlah yang dipinjam RM22 bilion yang termasuk USD3.5 bilion itu.

So wang yang lain walaupun dipinjam untuk beli aset tetapi tidak digunakan dan digunakan untuk perkara-perkara lainlah *as you have explained*. Akan tetapi *to say that the debt wasn't associated with the energy purchase also not quite right* lah. *But I understand that not all the fund was used to acquire the energy assets*.

Encik Arul Kanda Kandasamy: Betul Yang Berhormat, *I think you are correct on that*. Perlu juga saya beri satu penjelasan bahawa terdapat perbezaan di antara *what you are legally able to do when you borrow versus what your intention are*. Jadi daripada segi tadbir urus, daripada segi *governance*, itu penting untuk kita membuat penjelasan bahawa *the legal basis of borrowing is different from your intention or your plan*. *Can we go to the... [Disampuk] Sorry*.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *You didn't answer my second part of the question*.

Encik Arul Kanda Kandasamy: *So I think* Yang Berhormat, *your question was on the completion*.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *On the completion and the government's burden. That means, the indemnity that the government provided to IPIC*.

Encik Arul Kanda Kandasamy: So Yang Berhormat, di dalam *binding term sheet* yang telah dimeterai, terdapat empat pihak di dalam *transaction* tersebut. Pertama ialah pihak yang mempunyai *direct legal relationship* iaitu 1MDB bersama dengan Aabar di mana beberapa pembayaran telah dibuat oleh 1MDB kepada Aabar, *the US Dollar deposit we talk about earlier*. Seterusnya, IPIC dan Kerajaan Malaysia telah juga melalui MOF Inc.- *just to be clear the party*, sebagai pemegang saham syarikat tersebut. Jadi IPIC sebagai pemegang saham Aabar dan MOF Inc. atau Menteri Kewangan Diperbadankan sebagai pemegang saham 1MDB. Kedua-dua pemegang saham tersebut mempunyai *direct and 100% control over their subsidiaries*. So itu pertama rasional *for* kenapa kedua-dua pihak tersebut terlibat.

Keduanya, di dalam, *I would say most agreements* ya, kebanyakan perjanjian yang saya telah lihat dan sebagainya, ada satu bahagian dalam perjanjian tersebut yang dipanggil *indemnity* ya, *indemnity*.

Not sure what the Malay equivalent is, tetapi indemnity ini, pertama sekali, adalah ke atas kedua-dua pihak. So, it is vice versa. Maknanya, IPIC dan Aabar telah memberi indemnity kepada 1MDB dan MOF Inc. dan pada masa sama, 1MDB dan MOF Inc. telah memberi indemnity kepada IPIC dan Aabar.

Perlu saya jelaskan, *indemnity* ini bukan jaminan dan bukan sokongan dan sebagainya. *It's a different legal item to a guarantee or to a support, letter of support.* Di sebaliknya, *indemnity* ini ialah apabila satu pihak atau pihak lain tidak melaksanakan apa yang mereka telah persetujuan dalam perjanjian tersebut, maka ia memberi hak kepada pihak yang telah pun melaksanakan *obligation*nya untuk menuntut ganti rugi. *So, it's compensation for non performance as oppose to guarantee.*

Jadi Yang Berhormat, *you are right that is an indemnity but it is vice versa and it is only if one party, by not performing causes a loss to the other party.*

■1000

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *So, in effect- I understand it is not a guarantee, it is an indemnity. If 1MDB is unable to transfer the necessary assets to IPIC come June 2016, IPIC has a right to claim ganti rugi, menuntut ganti rugi daripada MoF Incorporated sebanyak apa yang telah pun dibayar sebagai advance ataupun faedah kepada 1MDB. That would be the right writ of the indemnity, right?*

Encik Arul Kanda Kandasamy: *On the one side, betul Yang Berhormat. Itu betul tetapi pada masa yang sama, jika IPIC dan Aabar juga tidak melaksanakan what is in the term sheet, maknanya the agreement between the parties untuk melaksanakan debt for asset swap, kami juga mempunyai hak ke atas mereka for non-performance of the transaction.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *But, hak kita hanya kalau dia tidak bayar 1 bilion, kita tidak perlu beri 1 bilion kepada dialah. That is the term. They have to provide 1 billion advance, example, or 4.5 billion, depending on which number you want to use. 1 billion advance, they provide 1 billion advance, then we provide 1 billion back in assets. That is the term. So, kalau dia tidak beri 1 bilion, kita tidak perlu beri 1 bilion assets. So there is no loss to them but kalau dia sudah beri 1 bilion, kita tidak mampu beri 1 bilion assets to them, then kerajaan terpaksa bayar ganti rugi kepada pihak IPIC.*

Encik Arul Kanda Kandasamy: *That is also another part to it Yang Berhormat dalam term sheet tersebut is where they agree to assume the 3.5 billion on the bonds. So pada masa ini atau I should say prior to the term sheet, sebelum term sheet, obligation IPIC ialah untuk memberi jaminan terhadap bon tersebut. Akan tetapi di dalam term sheet ini, mereka telah bersetuju untuk assume the bond liability. Jadi, hak kita, our right is to also get them to carry out that obligation.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *Absolutely.*

Encik Arul Kanda Kandasamy: *So it is not one or the other. It is together.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *So, if the- so on this basis, IPIC give you 1 billion, they take over 3.5 billion, on the basis that you will pay them back in asset form 4.5 billion plus interest, whatever interest that they have paid and if 1MDB fails to give assets worth this amount back to IPIC, then tanggung ganti rugi dapat dituntut daripada Kerajaan Malaysia.*

Encik Arul Kanda Kandasamy: *That is right Yang Berhormat. But remember equally, there is an obligation on them untuk melaksanakan swap tersebut. Maknanya, they cannot unreasonably reject the proposals that we gave. There is also an equal obligation to implement the term sheet. So, what you are saying is correct but I think it is only half the story. That is the other half of the story.*

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *Kita percaya kita ada dengar cerita fasal I think debt for asset swap... [Masalah teknikal pembesar suara]*

Comprising of 3.5 billion bond and 1 billion advance payment by IPIC. In order now, the share swap, debt for asset swap, apart from the deposit that they already put in, certain amount of deposit and option termination and all, they also have the fund unit as well. Square off. To what extent of- can you brief us now what are actually the steps taken by 1MDB so far in order to ensure that this asset swap really taken into. Another one, whether IPIC now will be able to agree for asset swap. The actual amount that we have already taken...

Encik Arul Kanda Kandasamy: *Jadi Yang Berhormat, what we are doing right now, pada masa ini kami menumpukan perhatian supaya IPIC mengambil alih fund units sebanyak USD940 million. Jadi kami hanya memberi offer tersebut kepada mereka untuk mengambil alih unit tersebut terlebih dahulu. Itu disebabkan option terminations dan juga deposit collateral link to the bonds. Jadi kami tidak mahu mencemarkan that earlier arrangement. Kami pada masa ini sedang dalam negotiation untuk transfer unit tersebut. Jadi, IPIC telah berjumpa dengan fund manager dan mereka sedang melaksanakan due diligence terhadap fund units tersebut. Jadi, that is our current negotiating position before we talk about the cash deposits because that is our main objective by now.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *I am not sure whether you- this next slide but how do you plan to fund the approximately USD4.8 billion of assets in June 2016. What will it comprise of?*

Encik Arul Kanda Kandasamy: *So again Yang Berhormat on this, as you know from our balance sheet, we have main collateral deposit bersama Aabar dan juga option terminations deposit yang kita telah ceritakan the last session sebanyak USD993 million. Kami juga mempunyai fund units USD940 million dan juga fund units GIL sebanyak USD1.5 bilion. Jadi, pada pihak kami, on our part, our intention is to use that tetapi pada masa ini, at this specific moment in time, we have only offered the fund units as part of the negotiating position because we have six months to do it, so we do not want to give up all our cash deposits until we get to that point. It is a negotiating tactic that we are using.*

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *Fund units... GIL fund units recommended by them?*

Encik Arul Kanda Kandasamy: *Sorry Datuk.*

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *By them. After all now that is Aabar... [Masalah teknikal pembesar suara] ...GIL fund units. Is it recommended by them?*

Encik Arul Kanda Kandasamy: *Did you say, sorry, recommended?*

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *By IPIC juga.*

Encik Arul Kanda Kandasamy: *So the... [Disampuk] Ya. The 940 million is guaranteed by Aabar. So, that is the reason kenapa kita hendak gunakan itu but they have guaranteed the fund.*

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *Connection between Aabar and the IPIC.*

Encik Arul Kanda Kandasamy: *Sorry Datuk. Could you repeat that, please?*

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *Connection between Aabar and this IPIC.*

Encik Arul Kanda Kandasamy: *Sorry. Aabar is 100% owned subsidiary of IPIC. If I could go the next point which is Edra Energy. As we discussed tadi, the legacy loans, maknanya hutang pada syarikat operasi Edra pada 31 Mac 2015 ialah sebanyak 7.43 bilion. Tambahan pula 1MDB telah mengambil hutang, acquisition loans sebanyak 6.76 bilion untuk membiayai pembayaran 12 bilion ekuiti apabila membeli syarikat-syarikat tersebut. Jadi, apabila kami menerima dana 9.83 bilion dan juga debt transfer sebanyak 7.43 bilion apabila menjual aset tersebut kepada CGN, kami akan membayar balik atau transfer hutang dengan jumlah RM14.195 bilion. Can we go to the next slide?*

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad: *Minta maaf. Slaid yang tadi. Dalam kes rationalization untuk Edra Energy, saya hendak tanya, IPP ini dia generate income, ia boleh beri duit kepada 1MDB. Akan tetapi kenapa 1MDB dispose 100%? Kenapa tidak maintain 30% kah, 40% kah supaya yearly income itu boleh dapat kepada 1MDB?*

Encik Arul Kanda Kandasamy: *That is a good question Yang Berhormat. Jawapan ini panjang sedikit. I got to give you a few different reasons. Pertama Yang Berhormat, kami sebenarnya tidak pernah- we never owned this asset, ia daripada pihak ketiga. Unlike tanah yang telah kami beli daripada kerajaan. Edra ini sebenarnya telah dibeli oleh pihak ketiga. So memang third party ownership. Jadi pada kami untuk menjual 100% tidak menjadi isu disebabkan itu bukan hak kami pada awalnya. Kalau kata tanah itu memang kepunyaan kerajaan dahulu, jadi pada saya tidak harus kita jual 100% tanah. Akan tetapi Edra ini kepunyaan syarikat swasta. Jadi, tidak ada isu tersebut.*

Keduanya Dato', apabila kami menjual Edra, *we actually getting cash.* Jadi kalau kita lihat IPIC tadi, *debt for asset swap*, kami tidak akan menjana tunai tetapi apabila menjual Edra, kami dapat menjana tunai dan *surplus* tadi seperti mana saya katakan, RM3 bilion kami boleh gunakan untuk tujuan-tujuan lain. Jadi, apabila menjual 100% Edra, *that's when we get the surplus.*

■1010

Kalau kita menjual 70%, kita tidak dapat surplus sebegitu. Surplus tersebut penting untuk pembangunan infrastruktur TRX, untuk penempatan semula PUKL dan juga untuk membayar faedah ke atas hutang yang masih tinggal. Jadi itu sebab kedua.

Sebab yang ketiganya dan pada saya sebab yang paling penting ialah sebenarnya stesen jana kuasa ini, *it's a depreciating asset* Tuan Pengerusi. Maknanya setiap tahun yang kita pegang, nilai aset tersebut akan turun disebabkan PPA akan lebih singkat. Maknanya *every year you own the asset, PPA term is shorter, so the value of your asset actually goes down over time.* Di situasi di mana syarikat tidak mempunyai dana untuk membiayai projek-projek baru, maknanya 500 megawatt dan juga Melaka 4B Project, *your asset will just keep going down in value.*

Jadi pada saya, adalah lebih baik untuk *exit*, untuk jual, dapatkan tunai tersebut dan gunakan tunai untuk membangunkan aset yang mempunyai *upside* seperti tanah, yang lebih besar daripada stesen jana kuasa yang sebenarnya *depreciating asset*.

